



JABATAN PERKHIDMATAN AWAM, MALAYSIA
PUBLIC SERVICE DEPARTMENT, MALAYSIA
Blok C1 - C3, Kompleks C
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62510 W.P. PUTRAJAYA
MALAYSIA

Tel: 603-80008000
Faks (Fax): 603-88892208
Laman Web (Web): www.jpa.gov.my

Ruj. Kami : JPA.600-5/4/50 (4)
Tarikh : 15 Januari 2024

Semua Ketua Setiausaha Kementerian

Semua Ketua Jabatan Persekutuan

Semua YB Setiausaha Kerajaan Negeri

YBhg. Tan Sri/ Datuk Seri/ Dato' Seri/ Dato' Sri/ Datuk/ Dato'/ Datin/
Tuan/ Puan,

**URUSAN PERSEDIAAN PEMANGKUAN JAWATAN PEMBANTU
TADBIR KEWANGAN GRED W22 PERKHIDMATAN GUNASAMA
PERSEKUTUAN DI AGENSI PENGUATKUASAAN MARITIM
MALAYSIA LANGKAWI, KEDAH DARUL AMAN**

Dengan segala hormatnya saya diarahkan untuk merujuk perkara
di atas.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa Bahagian Perkhidmatan, Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) sedang dalam tindakan melaksanakan urusan persediaan pemangkuan jawatan Pembantu Tadbir (Kewangan) [PT(Kew)] Gred W22 di **Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) Langkawi, Kedah Darul Aman** dan dengan ini memohon pihak YBhg. Tan Sri/ Datuk Seri/ Dato' Seri/ Dato' Sri/ Datuk/ Dato'/ Datin/ tuan/ puan untuk mengemukakan maklumat PT(Kew) Gred W19 yang **berminat** dan layak dipertimbangkan berdasarkan syarat-syarat seperti yang berikut:

- (i) **Disahkan dalam perkhidmatan;**
- (ii) **Dilantik sebagai PT(Kew) Gred W19 pada 31 Disember 2014 dan sebelum;**

.../2

- (iii) Tidak hilang kekananan yang boleh menyebabkan tarikh lantikan ke PT(Kew) Gred W19 berubah ke tarikh 1 Januari 2015 dan seterusnya;
- (iv) **Tidak layak/ tidak memilih opsyen tukar lantik ke skim perkhidmatan Penolong Akauntan Gred W29 pada 1 Julai 2016 melalui Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 1 Tahun 2016;**
- (v) Markah LNPT tahun terkini (2022) dan markah keseluruhan LNPT bagi tiga (3) tahun terkini (2020, 2021, 2022) tidak kurang 80%;
- (vi) Lulus tapisan keutuhan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM);
- (vii) Telah mengisytiharkan harta berdasarkan peraturan yang sedang berkuat kuasa;
- (viii) Bebas daripada tindakan atau hukuman tatatertib;
- (ix) Bebas daripada disenaraikan sebagai Peminjam Pendidikan Tegar daripada institusi pinjaman pendidikan;
- (x) **Tidak bersara wajib atau memilih bersara pilihan dalam tempoh tiga (3) tahun daripada tarikh iklan dikeluarkan; dan**
- (xi) **Diperakukan oleh Ketua Jabatan.**

3. PT(Kew) Gred W19 yang telah genap 13 tahun perkhidmatan tidak akan diperakukan dalam urusan pemangkuan ke Gred W22 kerana pegawai telah layak dipertimbangkan kenaikan pangkat ke Gred W22 secara TBK1. Sekiranya pegawai ingin ditempatkan secara hakiki di jawatan Gred W22, ianya boleh dilaksanakan melalui dua (2) kaedah seperti berikut:

- (i) **Permohonan pegawai** untuk bertukar melalui sistem HRMIS dengan menyatakan alasan pertukaran bagi mengisi jawatan PT(Kew) Gred W22. Penempatan pegawai di jawatan hakiki akan dilaksanakan tertakluk kepada kekosongan jawatan dan giliran pertukaran ke lokasi yang dimohon; **atau**

- (ii) **Permohonan Ketua Jabatan** kepada JPA untuk menempatkan pegawai yang telah TBK1 di jawatan hakiki yang kosong di Kementerian/ Jabatan.

4. Semua pegawai yang layak dipertimbangkan bagi urusan ini perlu melengkapkan maklumat menggunakan **Lampiran A, Lampiran B, Lampiran C dan Lampiran D** seperti di lampiran dan hanya calon yang bersedia untuk penempatan di **Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) Langkawi, Kedah Darul Aman** sahaja digalakkan memohon kerana urusan pemangkuan ini hanya bagi **tujuan penempatan di lokasi yang dinyatakan sahaja. Calon yang menerima pemangkuan ini tidak dibenarkan bertukar ke penempatan lain termasuk secara dalaman Kementerian/ Agensi bagi tempoh tiga (3) tahun mulai tarikh kuat kuasa pemangkuan.**

5. Kerjasama YBhg. Tan Sri/ Datuk Seri/ Dato' Seri/ Dato' Sri/ Datuk/ Dato'/ Datin/ tuan/ puan adalah dimohon untuk mengemukakan **dokumen yang lengkap** bagi setiap pegawai dari Kementerian/ Jabatan/ Agensi di bawah seliaan YBhg. Tan Sri/ Datuk Seri/ Dato' Seri/ Dato' Sri/ Datuk/ Dato'/ Datin/ tuan/ puan ke Bahagian Perkhidmatan, JPA **sebelum atau pada 29 Februari 2024** di alamat:

Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam
Jabatan Perkhidmatan Awam
Bahagian Perkhidmatan
Aras 1, Blok C2, Kompleks C
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62510 PUTRAJAYA
(u.p.: Puan Nur Sara Que Zana binti Abdullah)

6. Dimaklumkan bahawa adalah menjadi tanggungjawab Bahagian Pengurusan Sumber Manusia (BPSM), Kementerian/ Jabatan/ Agensi di bawah seliaan YBhg. Tan Sri/ Datuk Seri/ Dato' Seri/ Dato' Sri/ Datuk/ Dato'/ Datin/ tuan/ puan untuk **memastikan hanya permohonan daripada pegawai yang memenuhi syarat** seperti yang dinyatakan dalam **perenggan 2** dikemukakan kepada JPA. BPSM juga perlu menyemak dan mengesahkan semua maklumat yang dikemukakan adalah tepat berdasarkan buku rekod perkhidmatan pegawai yang terkini (buku rekod perkhidmatan tidak perlu disertakan). Sebarang **kesilapan fakta yang telah disahkan oleh BPSM boleh menyebabkan**

permohonan tersebut tidak dipertimbangkan. Permohonan yang tidak lengkap atau lewat diterima tidak akan diproses.

7. Bagi memastikan urusan ini dilaksanakan secara teratur, disertakan **Prosedur Urusan Persediaan Pemangkuan Jawatan PT(Kew) Gred W22 Perkhidmatan Gunasama Persekutuan** seperti di **Lampiran I** untuk panduan dan rujukan. Sebarang pertanyaan berhubung dengan urusan pemangkuan ini boleh diajukan terus kepada pegawai-pegawai berikut:

- (i) Encik Ahmad Azizi bin Hj. Nordin
Tel : 03-88854304
E-mel : azizi.nordin@jpa.gov.my

- (ii) Puan Hasnulaily binti Che Omar @ Che Hassan
Tel : 03-88854147
E-mel : hasnulaily.omar@jpa.gov.my

8. Perhatian dan kerjasama pihak YBhg. Tan Sri/ Datuk Seri/ Dato' Seri/ Dato' Sri/ Datuk/ Dato'/ Datin/ tuan/ puan berhubung dengan perkara ini amatlah dihargai dan didahulukan dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

"MALAYSIA MADANI"

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,



(NUR SARA QUE ZANA BINTI ABDULLAH)
Cawangan Pengurusan Perkhidmatan Gunasama
Bahagian Perkhidmatan
b.p. Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam
MALAYSIA

☎ : 03-8885 4110

✉ : nursara.abdullah@jpa.gov.my